

## BAB V

### Penutup

Dalam bab ini, penulis akan membuat kesimpulan terhadap kajian ini dan seterusnya memberikan beberapa saranan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap masjid supaya sambutan terhadap program-program masjid lebih meningkat dan seterusnya dapat mengubah pemikiran masyarakat setempat ke arah yang lebih positif.

#### 5.1 Kesimpulan

Masjid merupakan pusat pembentukan masyarakat yang dapat memainkan peranan dalam meningkatkan syiar Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid menjadi *nukleus* kepada seluruh aktiviti hidup dan pembangunan umat. Al-Qur'an telah meletakkan dasar pembinaan masjid mestilah berperinsipkan kepada takwa. Konsep masjid seperti mana yang dinyatakan dalam surah taubah ayat 108, telah mencirikan masjid hendaklah didirikan atas dasar takwa sahaja sewajarnya dijadikan tempat sembahyang, di mana para ahli jamaah masjid dapat membersihkan diri dari sudut zahir dan batin serta mereka inilah orang-orang yang termasuk dalam lingkungan yang dikasihi dan dirahmati Allāh swt.

5.1.1 Kajian ini juga mendapati, sejarah Masjid Lama Arau bermula dari al-

Marhum Syed Hussain Ibn Marhum Syed Harun Jamalullail iaitu Raja Negeri Perlis yang pertama pada tahun 1843M. Pada tahun 1973, Masjid Negeri Arau yang ada sekarang mula didirikan dengan kos pembinaannya asalnya RM400,000.00. Perletakan batu asas Masjid Arau telah disempurnakan oleh Tuanku Raja Syed Putra pada hari Juma'at 18hb. Mach 1972. Pembukaan rasmi masjid pada hari Juma'at 6hb. Feb. 1976, dan masjid ini telah mengalami dua kali pengubahsuaianya. Jarak masjid ini dengan bandar Kangar 10 km dan dengan Istana Arau 50 meter. Sekarang masjid ini dipengurusan oleh Dato' Sri Shahidan b. Kassim (Menteri Besar Perlis sekarang). Untuk keterangan lanjut sila rujuk bab 11, bahagian 2.7.

5.1.2 Berdasar objektif yang kedua, penulis mendapati jantina responden adalah 74 % adalah kaum lelaki, 26 % adalah kaum wanita [sila rujuk Jadual 1]. Manakala usia responden pula dalam lingkungan 30-40 tahun 20 %, 41-50 tahun 34 % dan 51 tahun ke atas sebanyak 46 % [sila rujuk Jadual 2]. Tahap pencapaian akademik masyarakat Arau yang menjadi responden kepada kajian ini ialah 9 % tidak bersekolah, sekolah rendah 40 %, sekolah pondok 6 %, lulusan SPM 31 %, lulusan STPM 7 % dan lepasan institut pengajian tinggi 8 % [sila rujuk Rajah 1]. Dalam bidang pekerjaan pula bekerja sebagai kakitangan 24 %, pesara 21 %, swasta 18 %, peniaga 10 %, bekerja sendiri 6 %, petani 6 % dan lain-lain 15 % [ sila rujuk Rajah 2].

5.1.3 Berdasar objektif kajian yang ke tiga, sambutan masyarakat tempatan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh Masjid Arau, penulis

mendapati sambutan terhadapnya amat menggalakkan terutama yang melibatkan program-program majlis ilmu seperti kuliah Maghrib, Subuh, kursus Haji dan kuliah fardu ‘Ain 97% [ sila rujuk Rajah 5]. Manakala responden yang pergi sembahyang fardu amat menggalakkan terutamanya waktu Maghrib dan Isya’. Masjid ini juga telah menjalankan pelbagai aktiviti yang mampu menarik minat masyarakat setempat untuk memakmurkannya dan mendapat sambutan yang baik [ sila rujuk Rajah 6]. Sambutan terhadap program lain yang telah dilaksanakan ialah belajar membaca Al-Qur'an secara bertajwid kepada golongan kanak-kanak dan dewasa [ sila rujuk kepada program Masjid Arau bahagian 2.7.3 no. 4]. Kebiasaan responden yang telah memakmurkan masjid, melebihi 10 tahun ialah 47 %, 5-10 tahun 30 % dan kurang dari lima tahun 23 %. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Arau yang telah lama memakmurkan masjid lebih tinggi peratusannya dari yang baru membiasakan diri dengan masjid [rujuk Rajah 4].

5.1.4 Berdasarkan objektif ke empat, program-program yang dilaksanakan di masjid bersesuaian dengan masyarakat tempatan. Penulis mendapati hasil kajian ini menunjukkan semua program-program yang telah dilaksanakan diterima baik dan sesuai dengan kehendak masyarakat sekitarnya. Kesesuaian program-program ini dapat dilihat dari sambutan masyarakat setempat yang bersetuju diadakan program itu seperti kuliah Maghrib 91 %, kuliah Subuh 67 %, [ lihat Rajah 10 dan 11 ], masjid Arau dapat pelbagaikan program kemasyarakatan 97 % [ lihat Rajah 5] dan masjid Arau telah melaksanakan peranannya dengan baik 58 % [ lihat Jadual 39d)]. Bahkan masyarakat setempat telah meminta program-program tertentu ditambah seperti program berbentuk akidah dan kerohanian.

**5.1.5 Berdasar kepada objektif kelima, hubungkait peranan Masjid Arau dengan perubahan sikap, budaya dan pemikiran masyarakat Arau, penulis mendapati kajian ini juga memperlihatkan peningkatan perubahan sikap, budaya dan pemikiran ke tahap yang membanggakan dalam kefahaman tertentu dalam persoalan yang tidak sensitif seperti sembahyang fardu Maghrib 115%, Isya' 96 % dan Subuh 79 % [sila rujuk Rajah 8], program ilmu 96 %. Untuk masjid dan masyarakat setempat, hampir kesemua responden bersetuju dengan fungsi masjid sebagai tempat berkenalan dan persaudaraan dan lebih dari separuh responden mengakui masjid adalah tempat untuk pelbagai kegiatan [sila rujuk Rajah 12]. Analisis secara perbandingan antara responden yang mendampingi masjid kurang 5 tahun, 5-10 tahun dan 10 tahun ke atas dengan masjid, didapati sikap dan budaya ke atas masyarakat Arau telah mengalami perubahan antara 3 hingga 27 % [ lihat Rajah 14]. Manakala perbandingan sikap dan budaya antara sebelum dan selepas tahun 2000 menunjukkan perubahan yang berlaku adalah antara 19 hingga 38 % [ sila lihat Jadual 6]. Penulis mendapati perubahan berlaku dalam unjuran yang agak kecil ( 2-8 %) kepada pemikiran masyarakat Arau apabila persoalan atau isu-isu yang menyentuh perkara yang sensitif seperti fahaman sekular dan politik di masjid [ sila rujuk Jadual 5, no 3, 4 dan 5] dan [ sila rujuk Jadual 7, no 3 dan 6] .**

Antara program-program masjid Arau yang dapat mengubah pemikiran masyarakat Arau ialah melaksanakan sembahyang fardu, program kuliah-kuliah ilmu dan penyediaan prasarana untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Perubahan pemikiran yang positif dapat dilihat juga daripada sikap dan budaya hidup

mereka sebelum dan selepas tahun 2000 serta berapa lama penglibatan mereka memakmur dan mengikuti program-program masjid.

## **5.2 Cadangan**

Status masjid hendaklah selari dengan tuntutan dan perkembangan zaman, supaya masjid mampu menjadi nadi dan pengerak kepada pergerakan umat yang berpaksikan kepada *manhaj al-Qur'an* dan Sunah. Cadangan-cadangan penulis untuk perhatian empat pihak iaitu ;

1. Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs)
2. Pihak pengurusan Masjid Arau
3. Masyarakat setempat.
4. Pengkaji lain

### **5.2.1 Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs)**

- i. **Ahli lembaga dan jawatan kuasa masjid hendaklah terdiri dari kalangan orang yang amanah.** Pemilihan ahli lembaga dan jawatan kuasa masjid perlu dibuat dengan teliti mengikut neraca yang adil dan saksama. Ini kerana peranan mereka adalah amat besar dan mulia. Ia memerlukan ketabahan yang kental khususnya diperingkat permulaan kerja iaitu untuk menarik orang-orang Islam datang ke masjid. Tugas ini memerlukan ketinggian pemikiran dan keutuhan kehendak. Setiap ahli lembaga dan jawatan kuasa haruslah seorang muslim yang *istiqamah* dengan Islam. Bermula dari merekalah peranan masjid akan berkembang, meningkat dan maju sebagaimana yang dirancang iaitu untuk memimpin masyarakat Islam sebaik mungkin.

**ii. Wujudkan etika kerja kepegawaian dan kakitangan masjid.**

Etika kerja kepegawaian dan kakitangan masjid ialah nilai-nilai kerja, nilai-nilai diri dan kaedah atau peraturan yang menjadi panduan untuk menghidupkan masjid.

Etika ini perlu diamalkan supaya imej masjid menepati institusi Islam sebenar. Etika kerja ini ia mampu memberi kesedaran yang tinggi untuk mengembalikan fungsi dan peranan masjid ke arah pembentukan umat yang maju dan mulia. Ia juga menjadi benteng untuk menyekat dan menghalang perkembangan nilai-nilai buruk dalam masyarakat. Ia boleh membentuk sikap, pandangan dan cara bekerja pegawai dan kakitangan masjid supaya sentiasa berdedikasi, berwawasan dan bersistematik dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

Antara etika kerja kepegawaian dan kakitangan masjid ialah :

- a. Menjunjung tinggi hakikat kemuliaan dan kehormatan masjid.
- b. Menyedari dan menjiwai bahawa masjid adalah institusi penggerak kemuliaan dan kemajuan masyarakat Islam.
- c. Mempunyai perasaan cinta dan kasih yang mendalam terhadap Islam dan masjid yang dipimpinnya.
- d. Menerima hakikat kepimpinan masjid adalah amanah Allāh swt yang sangat mulia.
- e. Menyusun dan melaksanakan program-program masjid agar mengikut keperluan dan kehendak berbagai-bagai kumpulan sasarnya.

### **3. Pusat Pembangunan Islam.**

Masjid harus dilihat sebagai markaz atau kilang untuk melahirkan insan yang dapat dibangunkan dalam semua dimensi, iaitu pembangunan jasmani, spiritual, emosi dan intelektual. Dibahagian belakang bangunan masjid ada kawasan yang boleh dibangunkan sebagai pusat pembangunan insan secara Islam.

**4. Pusat pendidikan.** Masjid harus dijadikan sebagai sebuah pusat pendidikan pra sekolah dan kelas fardu ain dan bahasa Arab secara menyeluruh untuk melengkapkan pendidikan yang dibuat di sekolah. Anak mukim dan anak kariah boleh berganding bahu dalam menjayakan projek di atas di samping ia boleh dijadikan pusat tuisyen atau sebagai pusat pengukuhan ilmu bagi golongan belia Islam pada hari minggu. Mereka boleh belajar al-Qur'an dan tafsir, hadis, akidah, fiqh, akhlak dan isu-isu semasa yang patut mereka mengetahuinya supaya mereka tidak ketinggalan zaman, dipermainkan dan diperbodohkan oleh musuh-musuh Islam.

**5. Pusat dakwah.** Masjid seharusnya dijadikan pusat gerakan dakwah Islam dalam erti kata yang luas, bukan berdakwah untuk melakukan ibadah khusus sahaja, bahkan boleh digabung jalin dakwah dalam fardu ain dengan dakwah fardu kifayah yang tidak kurang pentingnya. Pihak pengurusan dan pentadbiran masjid harus dari kalangan ilmuan dan intelektual Islam yang mampu dan boleh melakukan tugas besar ini. Jika pihak masjid kurang atau tidak ada kepakaran dalam bidang ini, ia boleh dilakukan secara bersama dengan universiti-universiti tempatan yang ada kepakaran dalam bidang itu di samping dibantu oleh ulama

### 5.2.2 Kepada pihak pengurusan masjid.

1. **Pusat perkembangan ilmu dan percambahan minda.** Masjid seharusnya dijadikan sebagai tempat penyebaran dan perkembangan ilmu-ilmu. Ilmu-ilmu boleh discarkan di masjid melalui berbagai-bagai cara. Perkembangan ilmu dan percambahan minda di masjid menjadi lebih teratur di mana pihak pengurusan masjid boleh mengatur program-program ilmu sama ada kuliah Maghrib, Subuh dan Duhā. Pada hari minggu, masjid boleh menjemput tokoh-tokoh ilmuan untuk menyampaikan ilmu secara lebih ilmiah dengan berpandukan kitab-kitab yang lebih muktabar.

Pegawai dan kakitangan masjid harus manfaatkan penggunaan peralatan moden seperti komputer, internet, e-mail dan sebagainya agar pihak masjid dapat menangani isu-isu dan masalah-masalah yang berbangkit dengan cepat dan cekap. Cabaran masjid di masa akan datang memerlukan pengurus dan pentadbir masjid yang benar-benar memahami keperluan semasa dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi terkini tanpa menyempit peranan masjid. Maklumat tentang program-program masjid dapat discarkan dengan cara berkesan sekiranya pihak pengurusan masjid memahami betapa pentingnya sistem maklumat dalam usaha penyebaran ilmu dan dakwah.

**2. Rakan masjid.** Pihak pengurusan dan pentadbiran masjid harus memikirkan bagaimana caranya untuk menjadikan masjid sebagai tempat tumpuan masyarakat Islam, terutama sekali golongan remaja, belia atau muda-mudi kerana mereka adalah *asset* terpenting kepada negara di masa depan. Penulis dapat golongan muda amat kurang berminat dengan masjid.

**3. Pusat kebajikan dan penyelesaian masalah umat.** Masjid juga boleh dijadikan sebagai pusat kebajikan Islam dan penyelesaian umat. Segala permasalahan boleh dibawa dan diselesaikan di masjid. Masalah kebajikan pekerja masjid harus diberi perhatian yang serius oleh pihak yang berwajib. Pengurus dan pentadbir masjid perlu peka dan perihat terhadap keperluan, permasalahan masyarakat setempat dan mengetahui cara bagaimana untuk menyelesaiannya.

**4. Unit kaunseling dan khidmat nasihat.** Unit ini harus diwujudkan dan berfungsi dengan berkesan untuk melihat teguran, cadangan dan nasihat daripada masyarakat untuk masyarakat tempatan. Unit ini boleh membantu masyarakat setempat dalam pelbagai cara dan kaedah yang sesuai dengan kemampuannya.

#### **5.2.3 Cadangan kepada masyarakat setempat**

**1. Pusat kekuatan umat dan penghayatan Islam.** Masjid seharusnya menjadi

tempat kekuatan umat Islam yang mana di masjidlah berlakunya sembahyang Juma'at dan berjamaah. Sembahyang Juma'at dan jamaah mengajar umat Islam patuh kepada imam, mengikut imam, tidak mendahului imam. Berdisiplin adalah pra syarat untuk umat Islam menjadi kuat. Hanya dengan bersatu padu sahaja boleh menjamin umat Islam kuat dan disegani oleh kawan dan musuh.

#### 5.2.4 Pengkaji lain

Penulis mendapati perlu adanya kajian lanjut terutama dalam tajuk-tajuk

- 1- Kenapa ahli jamaah yang usia emas lebih suka memakmurkan masjid jika dibandingkan dengan generasi muda.
- 2- Sejauhmanakah perlunya kajian semula mengstrukturkan semula ahli jawatan kuasa masjid.
- 3- Kajian untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran masjid.